

# PERANAN SUHBAH DALAM MOTIVASI TAUBAT

Mohd Noorikhwan bin Sarbini<sup>1</sup>  
SMK Bandar Baru Bangi, Selangor

Nazneen binti Ismail<sup>2</sup>  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

## ABSTRAK

*Taubat merupakan perintah Allah SWT kepada hamba-Nya yang melakukan khilaf. Namun begitu proses ini memerlukan kepada sokongan luaran dan dalaman. Ketiadaan sokongan menyebabkan individu yang ingin berubah terdedah kepada mengulangi kesilapan yang sama. Tambahan pula antara faktor utama gejala sosial pengaruh negatif rakan sebaya dan ketiadaan suasana sosial yang kondusif. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan peranan suhbah dalam motivasi taubat merangkumi syarat taubat iaitu penyesalan (al-Nadmu), meninggalkan maksiat (al-Iqla' an al-Zanbin) dan pemulihan (al-Islah). Kajian menggunakan kaedah konseptual kualitatif dengan merujuk khusus kepada karya tasawuf. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan langsung antara suhbah dengan motivasi taubat. Ini dibuktikan melalui peranan suhbah dalam membantu individu untuk istiqamah melakukan amal soleh seperti amalan ahli tasawuf. Maka, kertas kerja ini mencadangkan agar konsep suhbah dan taubat dalam tasawuf disesuaikan dengan konteks semasa dan diaplikasikan untuk memperbaiki diri individu ke arah lebih baik.*

**Kata Kunci:** *suhbah, taubat, tasawuf, sahabat*

## PENDAHULUAN

Masalah kejiwaan dalam masyarakat sepanjang zaman adalah berkait dengan cara pandang mereka terhadap dunia dan isinya. Bagi manusia yang meletakkan kepentingan dunia mengatasi imannya kepada Allah SWT, maka jiwanya mudah untuk dipengaruhi oleh anasir jahat. Kesannya ialah rasa tidak tenteram, jiwa kosong dan tidak mencapai kepuasan dalam hidup. Dalam Islam, bagi menangani masalah ini manusia perlu kepada penyucian jiwa dan membetulkan semula tujuan hidup mereka. Tujuan yang pada mulanya dihalakan kepada nafsu dan dunia perlu dialihkan kepada Allah SWT dan kehidupan akhirat. Kerana itu, ahli tasawuf telah meletakkan maqam taubat sebagai perkara pertama yang perlu dilakukan oleh para salik iaitu mereka yang mahu menjalani kaedah mendekati diri kepada Allah SWT.

Amalan taubat ini pula perlu kepada beberapa syarat yang mesti dipatuhi bagi membantu keberkesanannya kepada hati insan. Di samping itu, ia juga perlu kepada sokongan dari luaran seperti suasana persekitaran, kelompok lingkungan dan media massa. Firman Allah SWT dalam Surah al-Zukhruf, ayat 67-69:

---

<sup>1</sup> SMK Bandar Baru Bangi, Selangor .Emel: alfasfanjani29@gmail.com.

<sup>2</sup> Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Emel: nazneen@kuis.edu.my.

الْأَخْلَاءُ يَوْمَئِذٍ بَعْضُهُمْ لِبَعْضٍ عَدُوٌّ إِلَّا الْمُتَّقِينَ ﴿٦٧﴾ يَعْبَادِ لَا خَوْفَ عَلَيْكُمْ  
 الْيَوْمَ وَلَا أَنْتُمْ تَحْزَنُونَ ﴿٦٨﴾ الَّذِينَ ءَامَنُوا بِآيَاتِنَا وَكَانُوا مُسْلِمِينَ ﴿٦٩﴾

*Maksudnya: Pada hari itu sahabat-sahabat karib: setengahnya akan menjadi musuh kepada setengahnya yang lain, kecuali orang-orang yang persahabatannya berdasarkan taqwa (iman dan amal soleh). (Mereka - yang bertaqwa - itu, diberi penghormatan serta diseru oleh Allah Taala dengan firmanNya): "Wahai hamba-hambaku! Pada hari ini kamu tidak akan merasai sebarang kebimbangan (dari sesuatu yang tidak baik); dan kamu pula tidak akan berdukacita". (Mereka itu ialah) orang-orang yang beriman akan ayat-ayat keterangan kami, serta mereka menjadi orang-orang Islam yang taat patuh.*

Faktor lingkungan atau pendamping ini disebut sebagai *suhbah* dalam tasawuf. Maksud yang sama juga digunakan oleh sebahagian pengkaji hari ini dengan merujuk kepada salah satu bentuk kawalan tidak formal terhadap gejala sosial negatif. Iaitu satu usaha mensosialisasikan atau mengintegrasikan individu dengan norma masyarakat melalui teguran, pujian dan sokongan. Ia juga boleh diterjemahkan dengan erti kata pendekatan keagamaan dan psikologi (Samsudin t.th; Haris 2004; Mohd Dahlan & Ida Syafinaz 2010) Sokongan bentuk ini adalah penting seperti yang dijelaskan dalam dapatan Azizi et al. (2001) bahawa pelatih pusat pemulihan berpandangan aktiviti yang dijalankan di pusat tersebut kurang berkesan kepada diri mereka berpunca daripada kurang keyakinan mereka terhadap kesungguhan para kaunselor dalam membantu. Pelatih juga mengakui bahawa punca mereka terjebak dalam masalah sosial ialah kebebasan bergaul di luar rumah dan pemilihan rakan sebaya yang salah. Sedangkan kecenderungan mereka adalah melakukan aktiviti luar rumah (Azizi et al. 2001). Di samping rakan, faktor lain masalah sosial ialah diri sendiri (Zainudin dan Norazmah 2011).

Hal ini boleh dikaitkan dengan bagaimana *suhbah sayyi'ah* atau lingkungan yang buruk menjadi faktor utama berlakunya masalah sosial. Keadaan ini menyebabkan seseorang itu terhalang untuk melakukan kebaikan. Namun, untuk mengambil langkah memencilkan diri secara sepenuhnya daripada interaksi dengan manusia lain juga merupakan perkara yang mustahil kerana ia bertentangan dengan sifat manusia yang dinyatakan Ibn Khaldun sebagai *madaniyy bi al-tab'* iaitu manusia ini dicirikan sebagai bertamadun secara fitrah. Oleh itu, mereka cenderung untuk bermasyarakat dan bergaul dengan manusia lain serta tidak mampu untuk hidup secara bersendirian. Sekiranya dia memilih rakan daripada golongan yang jahat, rosak, fasik serta tidak waras nescaya akhlakunya akan runtuh. Tanpa disadari, sifat dan budi pekertinya beransur-ansur menurun sehingga sampai ke tahap paling rendah dan jatuh ke lembah golongan yang tidak mempunyai akhlak (Abdul Qadir 2008).

Dalam hal ini, pergaulan boleh mempengaruhi seseorang dalam tindakannya sama ada ke arah kebaikan mahupun keburukan bergantung kepada pemilihan teman pergaulan. Justeru, Islam begitu mengambil berat berkenaan pemilihan rakan taulan dengan memerintahkan agar memilih rakan dari kalangan orang soleh dan melarang daripada

bersahabat dengan golongan yang melakukan maksiat, kefasikan dan perbuatan keji. Kerana sahabat adalah cerminan diri seseorang (Salim Bahrais 1983; Abdul Qadir 2008) Rakan yang baik akan sentiasa menyeru kepada kebaikan dan amal soleh serta saling membantu dalam perkara yang makruf. Rakan yang beriman, bertaqwa, istiqamah serta makrifah terhadap Allah SWT juga membantu dalam meningkatkan keimanan seseorang. Menariknya, persahabatan begini akan kekal sehingga ke syurga (al-Bu<sup>c</sup>dani 2012). Perkara ini telah dinyatakan oleh sabda Rasulullah SAW:

الْمَرْءُ مَعَ مَنْ أَحَبَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya: *Seseorang itu akan bersama dengan yang dicintainya pada hari kiamat.* (al-Tirmidhi, Sunan, *Kitab al-Da<sup>c</sup>awat* <sup>c</sup>*An Rasul Allah*, Bab Fi Fadl al-Taubah wa al-Istighfar Wa Ma Dhukira Min Rahmat Allah Li <sup>c</sup>Ibadihi, no 3458)

## AMALAN TAUBAT DAN SYARAT-SYARATNYA

Kalimah taubat merupakan kata terbitan daripada (تَابَ، يَتُوبُ، تَوْبًا، وَتَوْبَةً) yang bermaksud kembali atau menyesal atas apa yang telah dilakukan (Husin 1994). Ia juga diertikan sebagai (نَدِمَ) bermaksud menyesal (*to repent, be or become penitent*) (al-Mawrid 2006).

Selain itu taubat juga sinonim dengan (رَجَعَ) iaitu kembali kepada Allah SWT dan orang yang bertaubat ialah mereka yang menyesali perbuatan maksiat yang dilakukan (al-<sup>c</sup>Ayid et al. t.th).

Dari segi istilah, Abdul Qadir (2008) berpandangan taubat bererti kembali daripada apa yang tercela di sisi syarak kepada apa yang terpuji di sisi-Nya. Al-Sahmarani (2000) juga menjelaskan bahawa taubat ialah kembali kepada Allah SWT dan ketaatan kepada-Nya setelah melakukan maksiat atau dosa. Ia berkait dengan penyesalan dan muhasabah diri sehingga kesilapan yang lalu tidak diulang pada masa akan datang. Di dalam al-Quran, terdapat sejumlah ayat berhubung gesaan kepada manusia agar bertaubat kepada Allah SWT dan mengaitkannya dengan kejayaan di dunia dan akhirat. Antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim, ayat 8:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا

*Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan Taubat Nasuha.*

Ibn Kathir (2002) menjelaskan taubat nasuha bermaksud taubat yang benar lagi jazam. Iaitu dengan menghapuskan dosa-dosa lalu, mencela kesilapan diri dan menahan diri daripada melakukan perkara seumpamanya. Ini berdasarkan kepada ulasan para ulama terdahulu yang menjelaskan taubat nasuha itu ialah seseorang itu bertaubat dan tidak kembali melakukannya lagi selepas itu.

Firman Allah SWT juga dalam surah al-Baqarah ayat 222:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa mensucikan diri.*

Firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 31:

وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: *Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.*

Manakala dari segi kepentingan taubat dalam tasawuf, al-Falimbani (t.th) memetik pandangan al-Ghazali yang menyatakan taubat adalah langkah pertama salik dalam perjalanannya ke arah memperolehi ibadah yang sempurna dan mengenal Allah SWT. Menerusi taubat juga, seorang salik itu akan dikurniakan kasih sayang Allah SWT. Malah al-Sahmarani (2000) menyatakan kecintaan Allah SWT kepada hamba-nya yang kembali bertaubat dibuktikan apabila Dia sentiasa membuka pintu taubat siang dan malam.

Maka, untuk bertaubat seseorang itu perlu kepada tiga keadaan iaitu *‘Ilm*, *Hal* dan *Fi‘l*. *‘Ilm* bermaksud mengenal atau mengetahui kesan mudarat segala dosa terutama dalam menjadi penghalang antara seorang hamba Allah SWT dan antara tiap-tiap kekasih-Nya. Manakala *hal* ialah satu keadaan dalam hati yang merasa sakit kerana takut luput kekasihnya iaitu Allah SWT dari hatinya lalu dia menyesal dan bertaubat daripada dosa kelalaian itu. Seterusnya *fi‘l* iaitu perbuatan atau usaha untuk mendapatkan perkara fardu yang telah ditinggalkan dan meninggalkan segala maksiat lalu serta bercita-cita untuk tidak mengulanginya (al-Falimbani t.th).

Pandangan seumpama ini juga dinyatakan oleh Imam al-Nawawi dalam Abdul Qadir (2008) dengan mensyaratkan tiga perkara dalam bertaubat iaitu meninggalkan maksiat, menyesali perbuatan dosa dan berazam tidak mengulanginya. Begitu juga pandangan Imam Habib Abdullah Haddad (2015) di samping beliau turut mencadangkan beberapa kaedah taubat iaitu tidak mengulangi dosa yang lalu, lazimkan diri meminta ampun, berharap kepada Allah SWT (*raja*’) dan takut terlalai (*khauf*), tidak putus asa dari rahmat Allah SWT dan tidak berangan-angan kosong terhadap keampunan Allah SWT.

Manakala al-Qushayri dalam al-Sahmarani (2000) menyatakan bahawa syarat taubat yang benar ada tiga iaitu menyesali kesilapan lalu, meninggalkan perkara buruk dan berazam tidak kembali melakukan maksiat. Di samping itu taubat juga mempunyai tertib dan bahagian tertentu. Maka yang paling utama ialah kesedaran hati daripada kelalaian dan pemerhatian seseorang ke atas keadaan buruk dirinya. Selain itu, al-Zuhayli (2008) berpandangan tiga syarat taubat ialah *al-Islah* atau pembaikan (al-Quran 2:160; 3:89; 4:146; 5:39; 6:54), meninggalkan dosa (al-Quran 3:135; 8:38) dan penyesalan (al-Quran

4:64; 3:135; 9:102). Dengan erti kata sesiapa yang melakukan maksiat khususnya dosa besar atau melazimi dosa kecil, maka dia perlu menghadirkan rasa keagungan Allah SWT dan mengingati janji azab daripada-Nya atas segala dosa. Setelah itu, memohon keampunan daripada Allah SWT kerana hanya Dia Maha Penerima Taubat dan berazam tidak kembali melakukan maksiat dan berterusan dengannya.

Antara syarat penerimaan taubat ialah keseiringan antara taubat dengan amal soleh dan iman kepada Allah SWT. Selain itu, taubat yang dilakukan dengan segera setelah melakukan dosa akibat kejahilan juga diterima Allah SWT. Firman Allah SWT dalam surah Taha, ayat 82:

وَإِنِّي لَغَفَّارٌ لِّمَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَالِحًا ثُمَّ اهْتَدَىٰ ﴿٨٢﴾

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Aku yang amat memberi ampun kepada orang-orang yang bertaubat serta beriman dan beramal soleh, kemudian ia tetap teguh menurut petunjuk yang diberikan kepadaNya.*

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 17:

إِنَّمَا التَّوْبَةُ عَلَى اللَّهِ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السُّوءَ بِجَهْلَةٍ ثُمَّ يُتُوبُونَ مِنْ قَرِيبٍ فَأُولَٰئِكَ يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ وَكَانَ اللَّهُ عَلِيمًا حَكِيمًا ﴿١٧﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya penerimaan taubat itu disanggup oleh Allah hanya bagi orang-orang yang melakukan kejahatan disebabkan (sifat) kejahilan kemudian mereka segera bertaubat, maka (dengan adanya dua sebab itu) mereka diterima Allah taubatnya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

Sebaliknya, terdapat juga dosa yang tidak diampunkan Allah SWT iaitu syirik dan murtad. Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 90:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بَعَدَ إِيْمَانِهِمْ ثُمَّ آزَدُوا كُفْرًا لَّنْ تَقْبَلَ تَوْبَتَهُمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الضَّالُّونَ ﴿٩٠﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang kafir sesudah mereka beriman, kemudian mereka bertambah kufur lagi, tidak sekali-kali akan diterima taubat mereka, dan mereka itulah orang-orang yang sesat.*

Al-Zuhayli (2008) menjelaskan taubat mereka yang kafir atau mati dalam kekufuran tidak akan diterima Allah SWT kerana mereka adalah orang yang sesat dan menyimpang dari jalan keimanan, kebenaran dan kesejahteraan. Selain itu, pintu taubat juga ditutup bagi

seseorang yang kekal dalam kejahatan dan hanya memohon ampun tatkala nyawa akan dicabut. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 18:

وَلَيْسَتِ التَّوْبَةُ لِلَّذِينَ يَعْمَلُونَ السَّيِّئَاتِ حَتَّىٰ إِذَا حَضَرَ أَحَدَهُمُ الْمَوْتُ قَالَ إِنِّي تُبْتُ الْفَنِّ وَلَا الَّذِينَ يَمُوتُونَ وَهُمْ كُفَّارٌ أُولَٰئِكَ أَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ﴿١٨﴾

Maksudnya: *Dan tidak ada gunanya taubat itu kepada orang-orang yang selalu melakukan kejahatan, hingga apabila salah seorang dari mereka hampir mati, berkatalah ia: "Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini," (sedang taubatnya itu sudah terlambat), dan (demikian juga halnya) orang-orang yang mati sedang mereka tetap kafir. Orang-orang yang demikian, Kami telah sediakan bagi mereka azab seksa yang tidak terperi sakitnya.*

Ini bermaksud proses taubat adalah panjang dan berterusan. Ia dimulai dengan kehendak dan kesedaran diri untuk kembali kepada Allah SWT dan meninggalkan maksiat. Usaha ke arah kebaikan dan ketaatan perlu dibuktikan dengan melakukan *al-islah* iaitu pembaikan atau pembentukan semula diri. Sehubungan itu, taubat perlu kepada perubahan fizikal. Ini adalah bagi memastikan taubat yang dilakukan adalah serius dan benar-benar datang daripada ketulusan hati. Maka, antara kaedah untuk menjadikan seseorang istiqamah dalam melakukan perubahan diri ia perlu kepada *suhbah* atau lingkungan dan teman yang baik.

### KONSEP SUHBAH MENURUT TASAWUF

Perkataan *Suhbah* berasal dari kata nama (صَحْبٌ يَصْحَبُ: صُحْبَةٌ وَصَحَابَةٌ وَصَحَابَةٌ) bermaksud berkawan, berteman, menemani (Husin 1994). Ia juga disebut dengan kalimah (مُرَافِقٌ، مُعَاشِرٌ، مُؤَلَّفٌ) yang bermaksud orang yang mendampingi, yang bergaul dan merasa jinak hati atau rapat (al-<sup>c</sup>Ayid et al. t.th). Dalam istilah bahasa Melayu, *suhbah* boleh diistilahkan sebagai sahabat. Menurut Kamus Dewan (2002) sahabat bermaksud kawan, teman, taulan, pengikut dan murid. Bersahabat pula membawa maksud berkenalan dan berbaik-baik, berkawan dan berteman manakala persahabatan adalah perihal bersahabat. Begitu juga dinyatakan dalam al-Mawrid (2006) Ia juga diertikan sebagai (رَفَقَةٌ، زَمَالَةٌ) bermaksud berteman, bersekutu (*companionship, company, comradeship, fellowship, association, friendship companions, company, comrades, associates, fellows, friends accompanied*). Menurut Abu Mohamed (2012) pula *suhbah* sinonim dengan *mulazamah* yang bermaksud berdampingan. Maka, dapat disimpulkan bahawa istilah *suhbah* bermaksud sahabat rapat yang sentiasa berdamping. Sahabat ini pula tidak terhad kepada mereka yang sebaya tetapi merangkumi semua yang sentiasa berdamping dengan seseorang termasuk guru, rakan, material dan seumpamanya. Dalam penulisan ini, ia fokus kepada *suhbah* dalam erti kata lingkungan yang baik khususnya teman dan guru.

Antara dalil al-Quran berhubung kepentingan *suhbah* ialah firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 119:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ ﴿١١٩﴾

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu berada bersama-sama orang-orang yang benar.*

Ibn Kathir (2002) menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan kepada tiga orang sahabat Rasulullah SAW yang tidak menyertai peperangan Tabuk atas sebab kelengahan mereka. Namun, mereka jujur mengaku kealpaan diri lalu kejujuran itu menjadi salah satu sebab taubat mereka diterima Allah SWT. Maka, Allah SWT memerintahkan agar melazimi diri dengan sifat jujur dan bergaul dengan orang jujur kerana melalui mereka segala bentuk kerosakan dapat dihindari.

Antara lain ialah firman Allah SWT dalam surah al-Kahfi ayat 28:

وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدَاةِ وَالْعَشِيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ ۗ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا ﴿٢٨﴾

Maksudnya: *Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadat kepada Tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah semata-mata; dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia; dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran.*

Dalam ayat ini Allah SWT memerintahkan agar memilih rakan dari kalangan mereka yang berzikir, bertahlil, bertahmid, bertasbih, bertakbir dan berdoa kepada-Nya pagi dan petang. Kerana mereka ini adalah hamba Allah SWT meskipun mereka fakir, kaya, kuat atau lemah. Sebaliknya perlu menjauhi orang yang sibuk dengan dunia dan lalai daripada ibadah kerana perbuatan ini tidak menjadikan seseorang itu taat serta mencintai jalan Allah SWT (Ibn Kathir 2002). Bersahabat dengan orang yang rendah akhlak dan imannya adalah bahaya kerana hubungan persahabatan itu saling mempengaruhi, saling mempercayai sehingga sukar sekali untuk dapat melihat atau membetulkan kesalahan sahabat sendiri. Dalam banyak keadaan sahabat akan membela segala kesalahan dan dosa atas nama kesetiaan yang akhirnya mengakibatkan kebinasaan (Salim 1983). Kerana itu al-Maghribi (2011) turut memberi amaran tentang kesan buruk *suhbah sayyi'ah* dengan kalam hikmahnya:

أَصْرُ الْأَشْيَاءِ: صُحْبَةُ عَالِمٍ غَافِلٍ أَوْ صُوفِيٍّ جَاهِلٍ أَوْ وَاعِظٍ مُدَاهِنٍ

Maksudnya: *Bahaya paling besar adalah suhbah (berguru) dengan ulama yang lalai atau ahli sufi yang jahil atau penasihat yang pengampu.*

Rakan yang jahat akan menghalang seseorang daripada menghampirkan diri kepada Allah SWT serta menjauhi larangan-Nya. Antara ciri-ciri rakan yang jahat ialah nifaq (al-Qur'an 43: 36-37), cenderung kepada syahwat dan perkara yang haram (al-Qur'an 41: 25) serta kekal bersama hanya ketika senang dan menjauh ketika susah. Lebih bahaya lagi apabila rakan yang jahat juga boleh menyebabkan seseorang itu terjerumus ke dalam neraka (al-Qur'an 25:27-29; 37:51-57). Rakan yang jahat juga sentiasa berusaha untuk menghalangi jalan taubat agar individu terus hanyut dan melakukan maksiat. Rakan sebegini sifatnya sementara iaitu untuk kesenangan di dunia semata-mata, sedangkan di akhirat kelak mereka akan menjadi musuh yang nyata.

Menurut ulama tasawuf, terdapat ciri-ciri khusus dalam pemilihan *suhbah*. Syeikh Ibn 'Ata' Allah dalam Ibn 'Ajibah (1982) menyatakan sahabat mestilah dari kalangan mereka yang menyedarkan dan mendorong kepada Allah SWT. Dia juga berperanan untuk memberi pengingatan apabila lupa, mengembalikan kepada kezuhudan apabila lalai, menyeru kepada taubat apabila melakukan maksiat dan mengajarkan apabila jahil. Seorang sahabat juga akan berkata-kata ikhlas kerana Allah SWT. Kejujuran dan keikhlasannya dibuktikan melalui keserirangan antara ungkapannya dengan perbuatan dan ilmunya.

Hal ini diperkuatkan lagi oleh Abdul Qadir (2008) dan Abu Mohamed (2012) dengan menegaskan bahawa *suhbah* berperanan terhadap syakhsiah, akhlak dan perjalanan hidup seseorang. Kerana orang yang berkawan terkesan dengan sifat kawannya secara rohani dan amali. Hanya dengan bersahabat dengan orang beriman, maka keteguhan akhlak, kemantapan iman, kemuliaan sifat-sifat dan makrifah Ilahiyah daripada mereka dapat diambil. Sekaligus melepaskan keaiban diri dan kelemahan akhlak. Ini yang dimaksudkan oleh al-Maghribi (2011) apabila beliau menjelaskan berdamping dan bersahabat dengan ahli zikir menyebabkan kesedaran yang ada pada diri mereka mengalir dan memberi kesan kepada kesedaran orang lain. Begitu juga bagi yang berkhidmat dengan ikhlas dan baik kepada orang soleh ia akan memberi kesan dari aspek meningkatkan kedudukan diri. Dengan erti kata, khidmat terhadap orang soleh menjadikan seseorang itu bertambah baik akhlak dan imannya. Seperti hadis Rasulullah SAW:

لَا تُصَاحِبْ إِلَّا مُؤْمِنًا وَلَا يَأْكُلْ طَعَامَكَ إِلَّا تَقِيًّا

Maksudnya: *Janganlah kamu bersahabat melainkan dengan mukmin dan janganlah makanan kamu dimakan kecuali oleh orang yang bertaqwa.* (Abi Daud, Sunan, *Kitab al-Adab*, Bab Man Yu'mar an Yujalis, no 4192)

Imam al-Ghazali dalam al-Falimbanī (t.th) mengariskan panduan dalam bersahabat. Terdapat lima ciri-ciri individu yang boleh dijadikan sahabat:

1. Orang yang berakal. Iaitu orang yang memahami atau mengetahui kesan sesuatu perbuatan baik atau buruk dengan sebenar-benarnya. Sama ada ia



memahami sendiri atau orang yang memberi kefahaman kepadanya. Hendaklah menjauhi orang yang kurang akal iaitu orang yang jahil (berkekalan dalam melakukan dosa) kerana ia dapat mempengaruhi orang lain dengan perangai buruknya.

2. Orang yang baik perangai. Iaitu individu yang dapat memberi manfaat dan membantu dalam memahami urusan agama dan seseorang yang menerima jika diajarkan agama kepadanya. Ciri-ciri orang yang buruk perangai ialah berdusta, kedekut, fasik, penakut, lalai kepada Allah SWT dan kurang akal.
3. Orang yang beragama. Iaitu orang yang tidak fasik. Kerana bersahabat dengan orang fasik akan meringankan perkara maksiat, menghilangkan rasa benci terhadap maksiat di dalam hati dan membuka ruang untuk menyukai pelakuan maksiat.
4. Orang Ahl al-Sunnah wal Jamaah. Iaitu orang yang tidak melakukan bid'ah yang membinasakan agama.
5. Orang yang zuhud terhadap dunia. Iaitu orang yang gemar kepada akhirat dan tidak sangat gemar kepada dunia. Hendaklah menghindari orang yang sangat tamak dan gemar kepada dunia serta orang yang kikir.

Namun begitu, untuk beroleh sahabat seumpama ini adalah sukar untuk ditemui. Maka, ia perlu dihargai jika ditemui kerana padanya terdapat kenikmatan dunia dan kebahagiaan akhirat (Abu Mohamed 2012). Hanya orang Mukmin akan sentiasa membantu dalam melakukan amal soleh sedangkan sahabat yang buruk akan menjadi penghalang daripada amal soleh (al-Bu<sup>c</sup>dani 2012). Hadis Rasulullah SAW:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ مِنَ النَّاسِ مَفَاتِيحَ لِلْخَيْرِ  
مَعَالِيْقَ لِلشَّرِّ وَإِنَّ مِنَ النَّاسِ مَفَاتِيحَ لِلشَّرِّ مَعَالِيْقَ لِلْخَيْرِ فَطُوبَى لِمَنْ جَعَلَ اللَّهُ مَفَاتِيحَ الْخَيْرِ  
عَلَى يَدَيْهِ وَوَيْلٌ لِمَنْ جَعَلَ اللَّهُ مَفَاتِيحَ الشَّرِّ عَلَى يَدَيْهِ

*Maksudnya: Sesungguhnya dalam kalangan manusia ada yang menjadi kunci kebaikan dan penutup keburukan dan sesungguhnya dalam kalangan manusia ada yang menjadi kunci-kunci keburukan dan penutup kepada kebaikan. Maka beruntunglah kepada sesiapa yang Allah SWT menjadikan kunci kebaikan di tangannya dan celakalah bagi mereka yang Allah SWT jadikan kunci keburukan di tangannya. (Ibn Majah, Sunan, Kitab al-Muqaddimah, Bab Man Kana Miftahan li al-Khayr, no. 233)*

*Al-khayr* (kebaikan) yang dimaksudkan ialah keredaan Allah SWT manakala keburukan (*al-Syarr*) bermaksud kemurkaannya. Antara tanda reda Allah terhadap hambaNya ialah dengan menjadikannya kunci atau pembuka jalan ke arah kebaikan dan sebaliknya bagi orang yang dimurkaiNya. Orang yang soleh sentiasa berada dalam kebaikan sama ada pandangannya, kehadirannya, pertuturannya, fikirannya dan lintasan hatinya (al-Bu<sup>c</sup>dani 2012).

## PERANAN SUHBAH DALAM MOTIVASI TAUBAT

Berdasarkan huraian berkaitan taubat dan suhbah, maka dapat dinyatakan bahawa suhbah memainkan peranan dalam membantu kejayaan usaha taubat seseorang. Ia kerana atas beberapa faktor dan keadaan iaitu:

Pertama dari segi pengetahuan tentang kesan mudarat sesuatu dosa lalu bertindak meninggalkannya. Dalam fasa ini, *suhbah* berperanan sebagai pemberi motivasi untuk meninggalkan dosa dan mengubah diri ke arah lebih baik. *Suhbah* juga membantu pelaku dosa untuk mengetahui kesan buruk dosa dan maksiat dalam hidup dunia dan akhirat. Oleh itu, pemilihan suhbah begitu penting. Sahabat yang dipilih mestilah menepati kriteria seperti keimanan yang tinggi, ilmu pengetahuan yang baik dan berakhlak mulia. Sahabat ini juga mestilah orang yang jujur serta bersedia untuk saling memberi dan menerima nasihat. Sabda Rasulullah SAW:

عَلَيْكُمْ بِالصَّدَقِ فَإِنَّ الصَّدَقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya: *Hendaklah kamu bersikap jujur. Kerana kejujuran membawa kepada kebaikan dan kebaikan itu menunjuk ke syurga.* (Muslim, Sahih, Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab *Qubh al-Kadhibi wa Husn al-Sidq wa Fadlihi*, no 4721)

Di samping itu, sahabat yang berilmu akan membantu pelaku untuk menilai diri atas kesilapan lalu serta memandu kaedah membaiki diri ke arah lebih baik. Kerana itu juga sahabat yang berakhlak mulia perlu dipilih agar memberi manfaat dalam usaha taubat. Dia juga berperanan dalam mengajarkan perkara yang tidak diketahui ataupun menunjukkan jalan untuk mengetahui sesuatu dosa dan pahala.

Kedua dari segi menyesali perbuatan dosa yang lalu. Rasa menyesal ini timbul melalui muhasabah diri yang dilakukan. Perasaan ini penting untuk meletakkan diri sebagai benar-benar ikhlas dalam memohon keampunan Allah SWT. Ketika ini, sahabat diperlukan dari kalangan mereka yang sentiasa mengingatkan tentang kehidupan akhirat serta tipudaya syaitan. Keikhlasan mereka juga menyebabkan mereka tidak memandang hina kepada orang yang ingin bertaubat daripada kesalahan lalu malah menyediakan ruang dan peluang untuk kembali mendekati diri kepada Allah SWT. Sahabat ini akan sama-sama beribadah kepada Allah SWT dan berzikir kepada-Nya dengan mengucapkan istighfar, tasbih, tahmid dan tahlil. Kesedaran diri yang ada padanya akan terkesan kepada orang yang berdamping dengannya. Keprihatinannya terhadap ibadat juga menghindarkan diri daripada melakukan bid'ah dan merosakkan agama.

Ketiga dari segi keazaman untuk tidak mengulangi dosa. Ini adalah syarat yang utama dalam memastikan taubat itu benar-benar dihayati. Maka, orang yang bertaubat perlu meninggalkan kehidupan jahil sebelum ini dan hidup dalam suasana baharu. Ia termasuk meninggalkan *suhbah sayyi'ah* dan berhijrah kepada *suhbah salihah*. Sahabat yang soleh akan menyeru kepada sedar akan peranan diri dan tidak lalai serta berusaha mengekang hawa nafsu. Kerana keimanan yang benar adalah merupakan syarat penerimaan taubat di sisi Allah SWT. Hasilnya ialah pembentukan akhlak mulia dalam diri yang didorong oleh sahabat yang baik. Pegangan agama dalam dirinya menjadikan setiap perkara maksiat tidak dipandang ringan dan berusaha untuk menimbulkan rasa benci terhadapnya.

Justeru, dalam konteks semasa aplikasi *suhbah* ini boleh diperluaskan khususnya bagi membantu ahli masyarakat yang ingin bertaubat dan kembali kepada Allah SWT. *Suhbah* dalam masyarakat hari ini boleh diterjemahkan sebagai para guru kepada pelajar, para pembimbing rakan sebaya, para mentor kepada mentee, sesama rakan sebaya, sesama ahli kariah, suami kepada isteri, begitu juga pemimpin kepada orang bawahannya. Keterbukaan dan kejujuran dalam hubungan seumpama ini adalah penting kerana melaluinya usaha untuk bertaubat akan lebih berkesan. Maka, ia perlu dimulai dengan pembentukan diri individu terlebih dahulu. Setiap diri berusaha untuk memperbaiki diri masing-masing perlu mencari teman agar motivasinya tidak luntur, jiwanya tidak goyah dan kesedaran dirinya tetap utuh agar pembaikan diri diteruskan. Pemilihan *suhbah* juga perlu dilakukan secara terperinci dan berhati-hati agar tidak ada yang mengambil kesempatan atas keperluan orang lain.

## KESIMPULAN

*Suhbah* adalah perkara yang penting dalam pembentukan diri insan. Ia berkait dengan fitrah insan yang perlu dipenuhi agar keseimbangan dan keharmonian terpelihara. Pemilihannya perlu teliti dengan meletakkan kriteria iman dan akhlak sebagai yang paling utama. Kerana amalan taubat itu bertujuan untuk kembali mendekati diri kepada Allah SWT, maka *suhbah salihah* adalah perkara yang hadir seiring dengan kesedaran diri. Justeru, *suhbah* berperanan dalam membantu keberkesanan dan kelangsungan taubat bagi seseorang.

## RUJUKAN

- Abdul Qadir Isa. (2008). *Haqa'iq Tasawwuf*, Jil. 1, Tiada Penerbit.
- Abdul Shomad Al-Falimbani. (T.th). *Siyar al-Salikin Fi Thariqi al-Sadat Sufiyyah*, Jil. 4, Fathoni: Matba'ah Bin Halabi.
- Abdul Shomad Al-Falimbani. (T.th). *Siyar al-Salikin Fi Thariqi al-Sadat Sufiyyah*, Jil. 2, Fathoni: Matba'ah Bin Halabi
- Abu Mohamed Rohimuddin Nawawi Jahari al-Bantani. (2012). *Kaedah Sufi: Alternatif Sebenar Menuju Allah*. Selangor: Pelima Media Sdn Bhd.
- Ahmad al-'Ayid et al. (T.th). *al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*. T.tpt.
- Ahmad bin Ibrahim. (2011). *Syeikh Abu Madyan al-Maghribi Mengaji Hikam Jalan Kalbu Para Perindu Tuhan*. Jakarta: Pustaka Zaman.
- Al-Bu<sup>c</sup>dani, Khalid Hassan Muhammad. (2012). Al-Suhbah al-Sayyi'ah wa al-Bi'ah al-Fasidah. Dipetik daripada [http://www.jameataleman.org/main/articles.aspx?article\\_no=1127](http://www.jameataleman.org/main/articles.aspx?article_no=1127) pada 14 Februari 2017.
- Al-Sahmarani, As<sup>c</sup>ad. (2000). *al-Tasawwuf Mansha'uhu wa Mustalahatuhu*, Dar An-Nafa'is: Lubnan.
- al-Zuhaili, Wahbah et al. (2008). *al-Mausu'ah al-Qur'aniyah al-Muyassarah*. Dar al-Fikr: Damsyik.
- Azizi Yahaya, Rahman, A, Hamdan, A. R. dan Yahya Boon. (2001). Program Pemulihan Akhlak Wanita: Sejauh Manakah Keberkesanan Pusat Perlindungan Wanita Membantu Proses Pemulihan?. Dlm. Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral dalam Dunia Globalisasi. Kuala Lumpur: UM [Universiti Malaya], hlm. 23-25.
- Haris Abd. Wahab. (2004). Masalah sosial di bandar Semenanjung Malaysia: Tinjauan daripada perspektif masyarakat Malaysia. Dlm. *Jati*, Bil. 9 Disember 2004. Hlm. 55-74.

- Husin bin Unang. (1994). *Kamus al-Tullab Arab-Melayu*, Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Ibn ʿAjibah, Ahmad bin Muhammad. (1982). *Iqaz al-Himam fi Syarh al-Hikam*. Beirut: al-Maktabah al-Thaqafiyah.
- Ibn Kathir, Ismaʿil bin ʿUmar. (2002). *Tafsir al-Qurʿan al-ʿAzim*. Dar Tayyibah.
- Mohd Dahlan A. Malek dan Ida Shafinaz Mohamed Kamil. (2010). Jenayah dan Masalah Sosial di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Dunia Siber dlm. Program Jenayah Cyber dan Isu Perneragangan Manusia di Malaysia, 26 Ogos 2010, Resital Hall, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Noresah bt. Baharom. (2002). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohi Baalbaki. (2006). *al-Mawrid: A Modern Arabic-English Dictionary*. Lubnan: Dar El-Ilm Lilmalayin.
- Salim Bahrais. (1983). *Terjemahan al-Hikam Jalan Mendekati Diri Kepada Allah Karangan Syeikh Ahmad Bin Athaillah al-Sakandari*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Samsudin A. Rahim. T.th. Media dan Konstruk Sosial: Implikasi terhadap isu sosial remaja. Dipetik daripada <http://www.iyres.gov.my/jdownloads/kertaskerja/media-dan-konstruk-sosial-implikasi-terhadap-isu-sosial-remaja-20.pdf> pada 17 November 2016.
- Syed Ahmad Semait. (2015). *Imam Habib Abdullah Haddad: Petunjuk Tarekat ke Jalan Akhirat*, Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Dlm. *Journal of Education Psychology & Counseling*. Vol. 1 Mac 2011. Hlm. 115-140.